

**PERUTUSAN  
YBHG. DATO' HJ. ZULKIPLY BIN RAMLI  
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT**

*Bismillahir rahmanir rahim  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam Satu Kebajikan.

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT juga, kita semua sebagai warga JKM dapat bersama-sama untuk mengikuti perutusan sempena pelantikan saya secara rasmi sebagai Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat yang ke 21 berkuatkuasa 30 Mac 2015 selaras dengan usia Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memasuki tahun ke 69 penubuhan.

Pada kesempatan ini, dapatlah saya berbicara secara maya dengan seluruh warga Jabatan. Sekalung ucapan tahniah dan terima kasih saya panjatkan kepada mantan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, YBhg. Dato' Norani Hj Mohd Hashim yang telah meninggalkan satu ekosistem perkhidmatan yang kini menjadi legasi dan juga mewarisi JKM untuk terus kekal relevan dalam memberi perkhidmatan serta sentiasa lestari sepanjang zaman.

Dalam kesyukuran ini, marilah kita sama-sama berkongsi manifestasi iltizam dan aspirasi Pengurusan Tertinggi KPWKM untuk melakar paradigma baharu selaras transformasi penyampaian perkhidmatan awam. Peranan warga JKM juga perlu seiring bagi menegaskan peri pentingnya transformasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan dengan mengukuh dan menyusun semula Jabatan mengikut perkembangan semasa.

JKM sejak awal telah mempelopori Transformasi Penyampaian Perkhidmatan dengan *tagline* “**Berkat Berjasa**” dan perlu menjadi *champion* dalam perkhidmatan **KEBAJIKAN** supaya kehadirannya dirasai dan dapat menambat hati nurani setiap kumpulan sasar. Kelangsungan kecekapan pegawai JKM perlu di perkasa dari aspek kreativiti dan inovasi yang merupakan *the rules of the games*, maka pemerkasaan amat diperlukan dalam mencapai visi Jabatan selaras dengan hasrat kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang efektif, efisyen, integriti dan responsif dalam memenuhi tuntutan dan permintaan yang tidak terhad.

Saya menyeru kepada semua warga JKM, marilah kita bersama-sama melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran serta minda terbuka agar berupaya memberi sumbangan kepada perkhidmatan dan produk yang berprestasi tinggi dengan bertunjangkan kepada integriti serta kebertanggungjawaban. Harapan menggunung saya, agar JKM akan terus kekal relevan di persada global transformasi penyampaian perkhidmatan **KEBAJIKAN**.

Justeru, saya mendoakan agar setiap warga JKM mempunyai ciri-ciri kejayaan, dengan miliki nilai keimanan, pemikiran inovatif untuk mencipta, mampu mengubah dan tangkas mencapai keupayaan untuk berfikir ke hadapan secara menyeluruh.

Sekian,

*Wabillahi taufiq wal hidayah,  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*